

PM: Proton diberi masa mencukupi cari rakan strategik

Oleh AMRAN AHMAD

PUTRAJAYA 9 Okt. - Proton Holdings Bhd. (Proton) akan diberi masa yang mencukupi untuk mencari rakan strategiknya, walaupun kerajaan mengharapkan keputusan rundingan yang sedang dijalankan itu dapat dirumuskan secepat mungkin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan memahami masalah yang dihadapi oleh Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) sebagai pemilik Proton dalam meneruskan siri rundingan dengan Volkswagen AG (VW) dari Jerman selama ini.

"Antara halangan utama dalam rundingan tersebut ialah VW mahukan kepastian dalam semua perkara, kerajaan memahami keadaan itu, kerana mereka (VW) akan membuat pelaburan yang besar," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)



ABDULLAH Ahmad Badawi pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), di Putrajaya semalam. Turut sama Abdul Ghani Othman.

di sini, hari ini.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah Menteri Besar Jo-

hor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Pegawai Eksekutif IRDA, Datuk Ikmal Hijaz

um - 10/10/2007

Antara halangan utama dalam rundingan tersebut ialah VW mahukan kepastian dalam semua perkara

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Hisham.

Sebelum ini, pemegang kepentingan terbesar syarikat automotif kebangsaan itu, Khazanah Nasional Bhd. yakin akan mengetahui rakan strategik bagi Proton selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Pencarian rakan strategik Proton ini juga adalah antara agenda utama Khazanah dalam proses penstrukturan semula 11 buah syarikat milik kerajaan (GLC) yang bermasalah termasuk Proton yang disasarkan selesai hujung tahun ini.

Sebelum ini, kerajaan menetapkan tarikh akhir kepada Proton untuk mencari rakan strategiknya pada bulan Mac lalu tetapi tarikh itu tertunda berikutan kegagalan VW menetapkan tarikh pertemuan dengan kera-

jaan Malaysia bagi mengemukakan cadangan syarikat kereta berkenaan.

Selain VW dan GM, tiga syarikat tempatan turut membida pembelian kepentingan Khazanah dalam Proton iaitu Kumpulan Naza, Kumpulan DRB-Hicom dan Kumpulan Mofaz.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, kerajaan tidak akan memaksa mana-mana pihak untuk menyejajarkan rundingan berkenaan kerana masing-masing perlu membuat keputusan dalam keadaan selesa dan tenang.

Katanya, buat masa ini, kerajaan mengambil sikap tunggu dan lihat kerana kedua-dua pihak belum membuat sebarang perjanjian dalam sebarang isu walaupun telah mengadakan banyak pertemuan dan mesyuarat.